

www.usim.edu.my



risalah USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no.23, (October-December 2014) :: ISSN : 1511-9319



Tokoh akademik sandang
KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM

“Mengorak Langkah Merencana Graduan Seimbang”

Isu : Cabaran USIM menghasilkan
graduan seimbang



iCEPS10 & C-FEST12 -
TONJOL BAKAT KEUSAHAWANAN
PELAJAR

integrasi ilmu NAQLI & AQLI

Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi univesiti. Penawaran model pendidikan yang unik ini membezakan USIM daripada universiti lain di seluruh dunia.

Graduan USIM yang dibentuk berdasarkan paduan ilmu wahyu dan rasional ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai tenaga kerja profesional yang efektif, tetapi pada masa yang sama bersedia untuk menyumbang dan membuat perubahan kepada masyarakat. Selain bersedia dalam menghadapi cabaran global semasa, graduan USIM yang dilengkapi dengan kesepaduan antara teori dan amali juga mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah dan manusia sejagat.

SIDANG EDITORIAL

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

Ketua Editor

Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)

Timbalan Ketua Editor

En. Asri Husain
Timbalan Pengarah StraComm

Sidang Editor

Prof. Madya Dr. Rosni Samah
Pensyarah
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Pn. Norhana Abdullah
Pensyarah
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

En. Mohd Zaini Othman
Penolong Pendaftar
StraComm

Pn. Syazlyna Jamil
Penolong Pendaftar
StraComm

Pn. Noorumaina bt Mohamed Yunus
Penolong Pegawai
StraComm

Pn. Suriati Alias
Pembantu Tadbir
StraComm

Konsep & Rekabentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
StraComm

Cik Wahida Hj Abas
Pereka Grafik
StraComm

En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil
Pereka Grafik
StraComm

Fotografi

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
Ahli Fotografi
StraComm

En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus
Ahli Fotografi
StraComm

En. Ahmad Adib Jumhuri
Ahli Fotografi
StraComm

Cetakan

Threecomm Design & Media

ISI KANDUNGAN

Ruangan ketua editor - "The Best of Both Worlds", m/s 3

Artikel - Majlis Konvokesyen ke12-, rakam detik manis graduan USIM, m/s 4

Artikel - Iqmal dan Syuhada penerima Pingat Pelajaran Diraja, m/s 5

ISU- Bicara Alumni, m/s 6

Staff Profile, Wawancara- Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, m/s 7

Artikel- Tokoh akademik sandang Kursi Kepimpinan Islam, m/s 8

Artikel Prevent 2014 & Artikel AKI, m/s 10

Inovation – IslamTag, p11

CoE- FWMI – Creating a research niche in islamic finance and wealth management, p12

Artikel - USIM perkenal anugerah Tokoh Maal Hijrah, m/s 13

GISO - Pelajar FSU dekati masyarakat India muslim, New Delhi, m/s 16

Artikel - Hari terbuka tampil keunikan FPSK, m/s 17

Article - Da'wah through new media, p18

Artikel- iBAF2014 bincang isu perkasa kewangan Islam & iCEPS10 & C-FEST12 tonjol bakat keusahawanan pelajar, m/s 19

Sukan - Atlit Pencak Silat ungguli anugerah olahragawan dan olahragawati USIM 2013, m/s 20

Artikel - PPT kupas isu kotemporari dalam ketamadunan Islam, m/s 21

MPP- Abdul Muiz terajui kepimpinan perwakilan pelajar USIM 2015/2014, m/s 22

Artikel - USIM rangkul johan Debat Bahasa Arab Maal Hijrah IPT, m/s 23

Article - i-INNOVA'14 flourishes innovation culture, p24

'Alamiyyah - "USIM 'Alamiyyah - we are ready to go global," p25

The Best of Both Worlds

Assalamualaikum,

Suku terakhir 2014 ditutup dengan pelbagai kenangan manis buat USIM dan warganya. Bagi 1689 alumni USIM yang bergraduasi pada Majlis konvokesyen ke 12, sudah tentu ia merupakan kenangan paling berharga kerana mereka adalah kumpulan yang bertuah kerana pertama kalinya dapat bergraduasi di Dewan Besar Universiti Sains Islam Malaysia.

Disebalik kebanggaan dan kegembiraan diatas kejayaan mendapat segulung ijazah dan berjaya menempuhi pahit manis dalam menimba ilmu, tanggungjawab yang lebih besar bakal digalas buat para graduan USIM akan datang. Mereka akan bersama-sama lebih 9 ribu alumni terdahulu dalam membawa nama USIM persada kerjaya tempatan mahupun antarabangsa. Di sinilah jati diri yang dipupuk di USIM, yang berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli, sepanjang sekurang-kurangnya empat tahun pengajian, akan di cabar dan tercabar.

Persoalan yang sebenar ialah, dapatkah alumni USIM bangkit sebagai insan seimbang ukhrawi dan duniawi seperti yang dicanangkan dalam misi dan visi universiti? Mampukah graduan USIM memberikan penyelesaian dalam permasalahan masyarakat berdasarkan kerangka Naqli dan Aqli seperti yang diharapkan? Jawapannya sudah tentu. Produk mahasiswa USIM adalah produk yang cukup unik, dibangunkan berdasarkan kerangka integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Mahasiswa USIM *have the best of both worlds*, dari segi sahsiah, rohani, akal dan jasmani. Sepanjang pengajian di USIM, mahasiswa telah dibekalkan dengan ilmu dunia dan akhirat, dan bagaimana ilmu tersebut perlu diaplikasikan untuk kemashlahatan

masyarakat. Kerana itulah hanya di USIM sahaja, kita dapat bertemu dengan Ustaz dan Ustazah yang juga seorang doktor, jurutera, pakar fizik, pakar kimia mahupun seorang wartawan.

Masih saya ingat kata-kata seorang tokoh pendidik yang disegani di USIM, agar jangan terlalu dikomplikasikan falsafah pendidikan USIM yang berpaksikan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Jika graduan USIM tamat pelajarannya, dan keluar dari USIM dengan dapat membezakan baik dan buruk, halal dan haram, benar dan salah, itulah produk mahasiswa integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Justeru terpulanglah pada mereka untuk mencorakkan kehidupan setelah dibekalkan dengan ilmu sepanjang berada di universiti. Seluruh warga USIM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan dan semoga kejayaan anda menjadi inspirasi kepada mahasiswa USIM yang lain.



Dr. Faizal Kasmani
Ketua Editor



MAJLIS KONVOKESYEN KE-12, RAKAM DETIK MANIS GRADUAN USIM

Oleh: Syazlyna Jamil

Seramai 1,689 graduan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah masing-masing sempena Majlis Konvokesyen USIM kali ke-12 yang berlangsung pada 15 November hingga 16 November bertempat di Dewan Besar USIM.

Daripada jumlah tersebut, pecahan penerima Doktor Falsafah adalah seramai 23 orang, penerima Sarjana seramai 88 orang, penerima Diploma seramai 29 orang manakala penerima Sarjana Muda seramai 1,549 orang.

Pada Majlis Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-12, dua orang graduan dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) iaitu Saudara Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dan Saudari Noor Shuhada Sudiro dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Anugerah lain yang disampaikan adalah kepada dua orang penerima Anugerah Canselor dan seorang penerima Pingat Emas Naib Canselor.

Majlis Konvokesyen kali ini turut menyaksikan dua tokoh menerima Ijazah Kehormat iaitu Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional

Berhad (PNB), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Bin Che Othman yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat dan Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, YBhg. Tan Sri Dr. Abdullah Bin Md. Zin yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam.

Majlis Konvokesyen turut dimeriahkan dengan penganjuran Pesta Konvokesyen (C-Fest) di Tapak Pavilion bersebelahan dengan Dewan Besar USIM bermula pada 13 hingga 16 November. Buat pertama kalinya, C-Fest telah dilancarkan oleh YAM Tunku Pro-Canselor dengan penuh gilang gemilang.

Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-12 disempurnakan oleh DYMM Tuanku Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud. Turut berangkat sama adalah YAM Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz selaku Pro-Canselor USIM.

Isu



IQMAL DAN SYUHADA PENERIMA PINGAT PELAJARAN DIRAJA

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Ibarat biji benih yang baik, dicampak ke mana sahaja pasti membuahkan hasil yang baik. Begitulah perumpamaan yang secocok buat Muhammad Iqmal Hisham Bin Kamaruddin dan Noor Syuhadah Binti Sudiro, penerima Pingat Pelajaran DiRaja 'Pingat Jaya Cemerlang' pada Majlis Istiadat Konvokesyen ke 12 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Muhammad Iqmal Hisham Bin Kamaruddin merupakan anak sulung dari tiga beradik dilahirkan di Ipoh, Perak pada tanggal 3 November 1991. Iqmal telah memulakan zaman persekolahan rendahnya di Sekolah Rendah Al-Islah, Sungai Petani, Kedah. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah di Maktab Mahmud Kuala Muda sehingga tingkatan 3 dan ke Maktab Mahmud Yan, Kedah bagi meneruskan pengajian dalam aliran Akaun. Di sana, Iqmal juga telah diamanahkan menjadi Penasihat Badan Pengawas Sekolah, Ketua Utama Seksyen Bulan Sabit Merah Sekolah selain pencapaiannya dalam Sijil Menengah Rendah Agama Maktab Mahmud (SMRAMM) dengan mendapat "Jayyid Jiddan" dan keputusan 9A di dalam SPM.

Iqmal selepas itu melanjutkan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang perakaunan bermula di peringkat asasi iaitu Tamhidi Perakaunan dan Muamalat dan seterusnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), USIM. Sepanjang tempoh pengajian di USIM, Iqmal telah terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik mahupun kokurikulum dan berpesatuan.

Antara penglibatan yang telah disertainya adalah seperti Lawatan Antarabangsa ke Beijing, China, mewakili USIM dalam beberapa pertandingan debat seperti Debat Diraja IPT Malaysia, menjadi Pengerusi Kelab Debat USIM Sesi 2012/2013, penggerak Program Malam Cinta Rasul Negeri Sembilan 2013 selaku Timbalan Pengarah, mewakili USIM ke Program Jejak Mahasiswa Ke Parlimen 2014 dan terakhir, mewakili Malaysia ke World Heritage Youth Forum Qatar 2014. Iqmal juga telah dianugerahkan dengan beberapa

anugerah seperti Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik 2013 dari Kementerian Pendidikan dan Anugerah Tokoh Perdana Siswa USIM 2013.

Noor Syuhadah Binti Sudiro, anak ketujuh daripada 11 orang adik beradik ini membesar di Selangor dengan mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Jenjarom, Banting, dan menyambung persekolahan peringkat Menengah dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Sekolah Menengah Agama Menengah (Tinggi) Tengku Ampuan Rahimah (SAMTTAR), Sungai Manggis, Banting, Selangor. Seterusnya beliau menyambung pengajian peringkat Sarjana Muda Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dimana beliau menerima anugerah Dekan sepanjang semesta pengajiannya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Ketekunannya dalam bidang akademik bukan hanya di peringkat Universiti sahaja, malah beliau telah berkongsi ilmu yang beliau miliki di luar Universiti. Antaranya perkongsian akademik di pentas antarabangsa iaitu pembentangan kertas kerja di International Conference on Da'wah and Islamic Management 2014 (ICDAIM 14).

Selain itu, Syuhadah juga turut aktif melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum antaranya menjadi pengarah semasa Program Pembangunan Kepimpinan Mobiliti Pelajar Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Gontor, Indonesia, dan mengacarakan Festival Kokurikulum Mahasiswa 2010 (FESTKOM'10), dan Wacana Ilmiah Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik 2010 serta mengacarakan Seminar Media dan Dakwah13 (SMED 13).

Kini, Iqmal sedang melanjutkan pengajian peringkat pasca-siswazah Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat di USIM untuk meneruskan hasrat menjadi seorang ahli akademik, sementara Syuhadah kini sedang berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Sosial, Kursi Kepemimpinan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

BICARA ALUMNI

Integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.



“PERNIAGAAN ADALAH SUNNAH.” Bagi Al-Arabi kegagalan hanya menguatkan azamnya untuk berjaya.

AL-ARABI MOHAMED
Alumni Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
Kaunselor Bertauliah Persatuan Kaunseling
Malaysia,
Pemilik Real Momentum, Bachok, Kelantan



“BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT”. Yahya berpegang kepada konsep perniagaan sebagai jihad.

YAHYA BIN YUSOF
Alumni Fakulti Syariah & Undang-Undang
Pengurus Badan Amal Nur Zaharah
Janda Baik, Pahang



IBRAHIM BUKTIKAN PELAJAR PENGAJIAN ISLAM HEBAT DALAM PERNIAGAAN.

“Dalam perniagaan 98% yang terlibat adalah ‘attitude’ dan 2% adalah kemahiran. Hanya dengan ‘attitude’ usahawan yang asli, seseorang mampu untuk menceburi perniagaan secara konsisten”


IBRAHIM ADHAM BIN ASMAIL @ ISMAIL
Alumni Fakulti Quran & Sunnah
Pemilik FLICKERS, Taman Tun Dr Ismail,
Kuala Lumpur



KAUNSELING MELALUI PENDEKATAN ISLAMIK.

“Pengajaran dan pembelajaran di universiti adalah sebahagian daripada kisah kehidupan yang boleh digunakan sebagai pengalaman yang boleh digunakan setelah tamat pengajian.”

MOHD ZUHDI BIN ZAKARIA
Alumni Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
Pemilik Hanya Satu Consultancy



“Saya percaya produk USIM adalah generasi yang berlainan daripada produk IPTA lain memandangkan produk yang dilahirkan adalah hasil daripada integrasi ilmu Aqli dan Naqli.”

Siti Norfaza Binti Abdul Halit.
Alumni Syariah & Undang-Undang.
Pegawai Tadbir di Pusat Pembangunan
Keusahawanan Siswa (PPKS)



“Sebagai seorang alumni USIM, secara jujurnya ia telah memberikan keyakinan kepada diri saya untuk membantu masyarakat dalam berkongsi ilmu yang dipelajari”.

Nadiyah Ramlan
Alumni Fakulti Quran & Sunnah
Melanjutkan pengajian di peringkat sarjana
di UM atas tajaan felosiswazah USIM-slab.

“...berpeluang mempelajari dua bidang utama yang berbeza dalam satu masa iaitu Bahasa Arab dan Kewartawanan (dipelajari dalam Bahasa Inggeris).

Sekalipun dipelajari secara berasingan dengan disiplin ilmu yang sangat berbeza antara keduanya, dengan berkat usaha serta pembelajaran yang menekankan pengaplikasian ilmu telah membantu saya untuk menguasai dan mengintegrasikan kedua-dua bidang tersebut”

Mohd Nizwan bin Musling
Alumni Pengajian Bahasa Arab, FPBU
Melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam Bahasa Arab
Komunikasi, FPBU USIM



◀ **Y.Bhg Profesor
Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak,**
Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam, USIM

Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak merupakan seorang tokoh akademik yang cukup disegani dalam arena kepemimpinan pendidikan negara dan antarabangsa. Beliau dilantik sebagai Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan pada Ogos 2014. Tan Sri Dzul juga merupakan Presiden kepada

gabungan organisasi pendidikan antarabangsa dibawah UNESCO iaitu *International Association of Universities* (IAU), yang berpangkalan di Paris. Disebalik kesibukan masa beliau, Tan Sri Dzul sempat berkongsi aspirasi dan harapan beliau dalam menjadikan USIM kekal relevan sebagai sebuah Universiti yang berteraskan Naqli dan Aqli.

Tahniah diucapkan kepada Y.Bhg Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak selaku Penyandang Pertama Kursi Kepemimpinan Islam, di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM. Bagaimana Y.Bhg Tan Sri melihat usaha dan inisiatif USIM menubuhkan Kursi Kepemimpinan Islam ini?

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak USIM dan juga Yayasan Nurul Yaqeen kerana memilih saya sebagai Penyandang Pertama Kursi Kepemimpinan Islam, di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM. Bagi saya, kewujudan Kursi Kepemimpinan Islam mengembalikan semula konsep asal 'Kursi' daripada perspektif Islam iaitu bagi menjana sesuatu yang baru dan umumnya bagi mengembangkan sesuatu aliran ilmu pengetahuan memandangkan latar belakang saya adalah dalam bidang farmasi dan neurofarmakologi.

Saya melihat pelantikan ini sebagai satu peluang bagi membawa kelainan dalam perspektif kepemimpinan umumnya dan daripada Islam khususnya. Ini kerana secara tradisional, apabila bercakap mengenai kepemimpinan Islam, ramai pihak lebih condong merujuk kepada Sirah Rasulullah ataupun peribadi tokoh-tokoh unggul dalam sejarah Islam. Ini tidak ada salahnya. Namun oleh kerana pendekatan ini agak lazim dilakukan, dalam konteks Kursi Kepemimpinan Islam di USIM ini saya cuba melihat daripada sudut yang lebih kotemporari. Ini kerana isu-isu kepemimpinan pada hari ini bersifat lebih kompleks dengan mendalami lagi pelbagai isu semasa seperti pengurusan alam sekitar, masalah globalisasi, percambahan ilmu-ilmu moden di kalangan yang berpendidikan tinggi, dan berbagai gejala sosial lain ekoran kepesatan teknologi di kalangan remaja dan sebagainya. Isu-isu ini memerlukan penelitian yang serius dalam meneroka kegagalan dalam kepemimpinan semasa.

Maka dengan sebab itulah, usaha dan inisiatif USIM menubuhkan Kursi Kepemimpinan Islam dengan

kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen amat tepat pada masanya. Ia memberi peluang untuk melihat semula perspektif kepemimpinan Islam dengan lebih menyeluruh bersesuaian dengan perkembangan dunia masa kini. Ia juga mengambil kesempatan mengembleng kekuatan serta aspirasi USIM supaya dapat membantu merealisasikannya terutama sekali hasrat dalam kerangka ilmu Naqli dan Aqli sebagai teras kekuatan Universiti ini.

Apakah Misi dan perancangan Y.Bhg Tan Sri sebagai Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam di USIM?

Misi saya jelas iaitu untuk menjadikan Kursi Kepemimpinan Islam di USIM antara Kursi Akademik yang disegani dan mampu menyumbang kepada perubahan untuk kemajuan umat Islam dan negara kita ini. Sebagai Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam di USIM, cabaran ini merupakan satu penghormatan dan peluang untuk saya berkongsi pengalaman akademik lebih daripada 30 tahun menerusi pelbagai medium seperti penulisan, penerbitan, wacana, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta rangkaian hubungan dengan pihak luar. Perkongsian ilmu dan pengalaman seumpama ini adalah paling penting untuk membuka berbagai jendela baru bagi USIM menjenguk ke luar dan dunia luar menjenguk ke dalam pula. Sekali gus minda kita akan terus berkembang seiring perkembangan semasa. Ini memberi kita asas tertentu mengapa perubahan itu penting.

Maka dengan sebab itulah, saya telah menyediakan pelbagai perancangan dalam tempoh setahun pelantikan saya ini seperti penerbitan buku dan hingga kini sebanyak tiga buah buku telah berjaya disiapkan. Selain itu juga, saya turut terlibat mendorong kepada mencorakkan penyelidikan berkaitan dengan kepemimpinan Islam bersama-sama sekumpulan tenaga pakar di USIM. Pelbagai wacana bulanan telah kita mulakan dengan menjemput tokoh-tokoh

yang hebat dalam bidang masing-masing seperti Prof Is Haq Oloyede; Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Islam Seluruh Nigeria; Ahmad Keeler dari University of Cambridge, dan terkini lain Buchanan, penulis buku *The Armies of God* untuk berkongsi ilmu dan pengalaman mereka. Disamping itu kita berjaya pula memperkenalkan warga USIM kepada pihak luar.

Usaha kita membantu merintis hubungan dengan Universiti-universiti negara di Afrika mempunyai potensi yang cukup besar sebagai rakan strategik USIM ekoran Kemuncak Malaysia-Afrika kelolaan KPM tahun lalu. Saya melihat pendedahan USIM dengan dunia luar perlu diperluaskan lagi bagi membolehkan dunia mengenali keunikan USIM. Kehebatan USIM akan lebih terserlah di peringkat antarabangsa apabila kecemerlangan Universiti ini berjaya dipromosikan dengan strategi yang mampu menyakinkan pihak luar. Ini akan banyak membantu menjadikan USIM sebagai Pusat Rujukan Global kelak.

Daripada perspektif Y.Bhg Tan Sri, bagaimanakah pendidikan yang berkualiti mampu dalam membangunkan modal insan untuk mengangkat martabat umat Islam?

Sebenarnya konsep pembangunan modal insan dipelopori oleh golongan neo-liberal Barat menjadi antara dilema utama dalam hal ini. Konsep tersebut tidak sesuai untuk masyarakat Islam kerana ia melihat pembangunan modal insan daripada perspektif luaran dan komersial sedangkan dalam Islam sumber manusia memerlukan juga pembentukan dalaman dan secara seimbang ataupun 'mizan'. Saya suka menggunakan analogi pokok dalam membincangkan perkara ini kerana seponon pokok memberikan banyak gambaran mengenai kehidupan. Kita mungkin hanya melihat pokok daripada segi permukaan sahaja iaitu batang pohon, daun, bunga dan juga buah tetapi jarang kita melihat apa yang ada didalam bumi iaitu bagaimana peranan akar yang mampu mempengaruhi tumbesaran pokok secara keseluruhannya. Pokok yang hidup subur memerlukan baja, air dan makhluk tanah yang turut memperkayakan bumi itu. Begitu juga dengan kehidupan kita, manusia memerlukan pelbagai sumber dalaman bagi membolehkannya menjadi insan yang seimbang iaitu mampu berfikir dengan waras tanpa terdorong dengan nafsu semata-mata. Aspek qalbu iaitu faktor dalaman yang tidak kelihatan sering diabaikan oleh banyak pihak dalam membangunkan modal insan ini. Perkara ini apabila menjadi cukup taksud dengan KPI dan 'ranking' semata-mata.

Maka dengan sebab itulah, dalam bidang pendidikan saya melihat proses pembelajaran adalah berterusan dan tidak ada sempadan penamatnya. Proses pembelajaran tidak membezakan di antara kelompok akademik dengan pentadbir kerana masing-masing mampu menyumbang mengikut kepakaran masing-masing. Justeru, sifat merendah diri seperti bak kata pepatah Melayu, ikut resmi padi, lagi berisi lagi tunduk

"Aspek qalbu iaitu faktor dalaman yang tidak kelihatan sering diabaikan oleh banyak pihak dalam membangunkan modal insan ini."



adalah asas kejayaan yang amat penting sekali. Yakni semakin berilmu semakin merendah diri supaya lebih insaf akan kekurangan yang ada. Hakikat ini akan membawa barakah dan penghormatan kepada warga Universiti dan semakin terserlah di kalangan komuniti kerana pengiktirafan tidak perlu dicari kerana ia akan datang dengan sendirinya.

Apakah cabaran masa depan bagi USIM untuk memastikan Universiti ini mampu kekal kompeten dan menjadi Pusat Rujukan Global berkaitan dengan Sains Islam?

Cabaran USIM pada masa hadapan adalah bagaimana untuk menjadikan Universiti ini kekal relevan sebagai sebuah Universiti yang berteraskan Naqli dan Aqli. Meletakkan USIM sebagai Pusat Rujukan Global dalam bidang Sains Islam pada tahun 2025 merupakan agenda bersama yang perlu digalas oleh semua warga USIM sama ada pengurusan tertinggi, kakitangan akademik, pentadbiran dan sokongan mahu pun pelajarannya.

Saya percaya dan penuh yakin bahawa USIM akan berjaya mencapai hasrat sebagai Universiti yang menjadi Pusat Rujukan Sedunia dalam bidang Sains Islam pada tahun 2020 nanti. Ini kerana, USIM mempunyai bakat-bakat muda di kalangan tenaga akademik dan pentadbiran yang berpotensi untuk berjaya sekiranya mereka diberikan bimbingan yang secukupnya. Dan mahu pula membawa perubahan bak kata-kata hikmah lama: Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya – yakni aspirasi strategik itu sendiri. Mereka merupakan aset bagi Universiti

pada masa hadapan dan pelaburan untuk membina kepimpinan pelapis yang perlu diasuh secara sistematik demi memastikan kelangsungan USIM kelak.

Warga USIM perlu bersedia untuk berubah dalam dunia tanpa sempadan pada hari ini. Perasaan sayangkan Universiti perlu dipupuk dengan menanamkan tekad untuk bersama-sama membantu menjayakan agenda USIM. Jadikan hari ini lebih baik daripada semalam agar kita semua lebih mempunyai ciri-ciri keyakinan sebagai seorang yang inginkan kebaikan sejagat.

Artikel



TOKOH AKADEMIK SANDANG KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM

Oleh: Mohd Zaini Othman

Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak dipilih sebagai penyandang Kursi Kepimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kursi yang dibiayai dananya oleh Yayasan Nurul Yaqeen sebanyak RM500,000 dinamakan sebagai Kursi Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad iaitu ayahanda kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Malaysia merangkap Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen.

Tan Sri Dato' Dzulkifli yang dilantik berkuat kuasa 4 Ogos 2014 telah menjalankan tugas rasmi sebagai pemegang kursi ini di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM. Kursi ini dinamakan atas nama Tuan Guru Haji Mohd Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham semasa hayatnya yang progresif, proaktif serta memiliki jati diri dalam memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran. Allahyarham merupakan orang alim yang warak, memiliki sifat ikhlas dan tawaduk serta menjadi contoh teladan kepada generasi kini. Pendirian dan sumbangan Tuan Guru Haji Mohd Yassin ini selari dengan gagasan kepimpinan Kerajaan Malaysia pada masa kini.

Tan Sri Dato' Dzulkifli merupakan Presiden, International Association of Universities yang berpangkalan di Paris, Perancis, Felo Akademi Sains Malaysia, ahli *World Academy of Art and Sciences dan Malaysian Institute of Malaysia*. Beliau juga merupakan kolumnis akhbar *New Straits Times* sejak tahun 1995 lagi yang banyak menulis mengenai pelbagai isu penting berkaitan pendidikan, sains dan peristiwa semasa.

Beliau berpengalaman luas dalam dunia akademik serta pentadbiran pengajian tinggi dalam dan luar negara malah kepimpinannya terselrah semasa menerajui Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Naib Canselor selama 11 tahun dan berjaya meletakkan universiti tersebut berstatus APEX.

Menurut Prof. Madya Dr. Yahya Mohamed Ariffin, Timbalan Dekan FKP, beliau percaya dengan pengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan berkaitan dengan gagasan kepimpinan dalam dunia pendidikan, ia mampu memberi impak positif kepada USIM dan dapat menyumbangkan kepada pembangunan ilmu kepimpinan Islam di samping dapat menyalurkan dan memanfaatkan pemikirannya kepada komuniti global, khususnya masyarakat Islam.

"Dengan tekad untuk menjadi pusat rujukan global dalam pembangunan akademik yang mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, USIM sentiasa meletakkan kecemerlangan akademik sebagai salah satu teras utama dalam memperkaya dan mengembangkan ilmu. Tentunya, pelantikan serta sumbangan yang diberikan oleh beliau mampu memacu USIM dengan lebih pantas untuk merealisasikan tekad tersebut," jelas Prof. Yahya.

Sebagai penyandang kursi ini, Tan Sri Dato' Dzulkifli akan mengetuai bengkel, wacana ilmiah, seminar, persidangan, membentangkan kertas kerja, sebagai perunding dan pembimbing fakulti bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di USIM selain menjalankan penyelidikan dan membuat penulisan yang boleh diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi dan buku-buku ilmiah.

USIM SOKONG USAHA PERANGI DADAH

Oleh: Mohd Zaini Othman

Sebagai sebuah IPTA, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dalam usaha memerangi dadah menerusi pusat kecemerlangannya (COE) iaitu Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA). Pihak ACREDA telah mengambil inisiatif ini menerusi penganjuran Seminar Antarabangsa Pencegahan Dan Rawatan Pemulihan Dadah 2014 (PREVENT 2014) pada 15 dan 16 November bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM.

“Program akademik Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) yang ditempatkan di bawah ACREDA merupakan salah satu sumbangan IPTA dalam melahirkan kumpulan pakar dalam bidang pencegahan, rawatan dan pemulihan, penjagaan lanjutan, perancangan serta pemikir bagi membantu



negara memerangi dadah. Ia termasuklah pengurusan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah,” menurut Dato’ Prof. Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi dalam ucapannya.

“Justeru, dalam usaha memeranginya, pendedahan tentang bahaya dadah perlu bermula dari peringkat Universiti usahasama dengan pihak Kerajaan, masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO)”.

Sebanyak 25 kertas kerja, tiga siri bengkel dan ucap tama yang disampaikan oleh pembentang dari Brunei, Nigeria dan Filipina. Majlis perasmian turut dihadiri Dato’ Suhaimi Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM serta barisan Pengurusan Tertinggi USIM.

KAKITANGAN CEMERLANG USIM DIBERI PENGHARGAAN

Oleh: Mohd Zaini Othman

Sebagai tanda mengiktiraf kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2013, satu Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) 2013 telah diadakan pada 7 November 2014 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.

Majlis menyaksikan sebanyak 17 kategori dan anugerah dipertandingkan dengan seramai 110 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 71 penerima Anugerah Terpuji dan 48 penerima Anugerah Khas. Terdapat 5 Anugerah Khas baru diwujudkan iaitu Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Pendidik, Anugerah Kreativiti Seni dan Budaya, Anugerah Perdana Siswa/i dan Anugerah Pelajar Siswazah.

“Kecemerlangan sesebuah Universiti bukan sahaja terletak pada kecemerlangan kakitangan akademik, malah di setiap lapisan jawatan. Asas paling utama dalam kecemerlangan kakitangan adalah berdasarkan kepada pelaksanaan amanah dan tanggungjawab yang diberikan ke arah membudayakan kecemerlangan



dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan, khususnya di USIM,” ucap Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad.

Prof. Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Pengarah Pusat PERMATA Insan dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Hasanul Mudir manakala Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) menerima Anugerah Naib Canselor. Antara Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa, Cik Norlizawaty Tumin, Penolong Pendaftar Kanan di Bahagian Pengurusan Akademik berkata perubahan mind-set atau anjakan paradigma untuk menerima perubahan amat perlu pada masa sama berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kualiti kerja dan menganggap anugerah tersebut sebagai pendorong untuk terus cemerlang.

ISLAMTAG : A NEW EXPERIENCE FOR ONLINE INTERACTION

INTRODUCTION

In the most recent years, the world has been swept off its feet by social networking websites. Without a shred of doubt, it has influenced many social institutions such as education, communication, business, politics, and even religion. In a short span of time, it has dramatically changed the outlook of most people and developed a unique way of socialization among people all across the world.

Recently, a revolutionary and award winning social media platform has broken out into the social networking scene with its innovative vision and unique take on online social interaction. IslamTag is the new and current social networking website launched on the 6th of June, 2010 the world is buzzing about. The founder is Nader Yahya Alkeinay, who is a PhD student in the University Science Islam Malaysia, developed the social networking site in prospects of creating a social interaction atmosphere created specifically to cater to people who are looking for the perfect blend of Facebook and LinkedIn.

PLATFORM ISLAMIC SOCIAL NETWORKING

The primary initiative of IslamTag is to provide a platform for people to present themselves professionally but through casual interaction. It harnesses the principles of the casual online socialization on Facebook and combining it with the professional tone of LinkedIn. It is the perfect halfway point of the two social networking giants. Not only is it the perfect social networking website for those searching for a website which can cater to their professional needs yet in a casual social networking atmosphere, but IslamTag also provides a lot of features necessary for online social interaction.

RECOGNITION

Nader Yahya Alkeinay has garnered awards for his revolutionary social networking creation in a variety of prestigious competitions and exhibits. He has won the gold medal for the 2011 Student Innovation Awards and achieved the grand prize for the Student Innovation Competition. He has also reaped the silver medal at i-Inova in 2011 and received an honorary certificate from PECIPTA in the same year. He has also gained another silver medal from Innovation and Invention Exhibition (ITEX) for the student innovation exhibition in 2011. His recent award is the People's Choice award from MakeWeekend in 2012, and he has participated in the world-renowned TechCrunch and





Nader Yahya Alkeinay, PhD. Student of Computer Science, Faculty of Science and Technology USIM

Collaboration lectures:
Prof Madya Dr Norita Md Norwawi
Dr Najwa Hayaati Mohd Alwi
Dr Roesnita Ismail
Dr Fauziah Wahid

finally IslamTag got gold medal in ITEX as well as silver in PECIPTA.

Today, the social networking website has more than 100,000 members and counting. IslamTag has garnered a whopping 30 million unique visitors from all corners of the world. It is one of the fastest growing social media platforms present on the internet. In addition, members can gain considerable knowledge about the world around them and how they relate to it. In the near future, IslamTag may become one of the forefront social networking websites in the world. Visit <http://www.islamtag.com>.

- Home
- Profile
- Friends
- Photos
- Music
- Videos
- Pages
- More





IFWMI – CREATING A RESEARCH NICHE IN ISLAMIC FINANCE AND WEALTH MANAGEMENT

By : Nor Fadzlina Azahari

Many organizations have established institutions and centre of excellence as to promote research in Islamic Finance. This move is to provide the resources for academicians, industry players and policy makers in promoting innovation and dynamism in the industry.

The Islamic Finance and Wealth Management Institute (IFWMI), USIM is established to achieve its objectives to foster the development of Islamic finance by delivering the best research outcome and provide solutions to the benefit of ummah as a whole.

“It is hope that IFWMI at the forefront, actively providing solutions to the policy makers and the public at large on Islamic finance and wealth management and to achieve this, IFWMI conducts applied research initiatives in specialised areas of Islamic Finance and Wealth Management to address operational challenges in this fast growing global industry,” said Dr. Norhazlina Ibrahim, IFWMI Director.

The Centre also organises seminars, intellectual discourse series and conferences. IFWMI aims to be a catalyst of innovation in this area by sharing and enhancing knowledge and providing a platform for

academicians, practitioners and industry players to share their knowledge, expertise and experience in the industry.

The establishment of IFWMI will enable USIM to focus on research related activities in Islamic Finance and Wealth Management:

Research: Research on critical issues in Islamic Finance and Wealth Management which can contribute to the growth of the industry in the region. The areas are Shariah Audit, Waqf and Wealth Management.

Training Development: IFWMI is currently conducting training on Shariah Audit as to serve the needs of the Islamic finance industry stakeholders.

Extension/outreach: The extension of research findings will be communicated/ and marketed to the academicians and industry players. It is important to reach out to the external users for USIM to be relevant to the public as well as to become the solution provider to the ummah.



USIM PERKENAL ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Dalam usaha meningkatkan penghayatan Islam kepada kakitangan dan pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Universiti pada 19 dan 20 November 2014. Program anjuran Pusat Islam merupakan acara tahunan dalam usaha meningkatkan rasa kasih dan cinta kepada Nabi Muhammad SAW dan Agama Islam secara keseluruhannya.

Seramai 1000 orang peserta dari kalangan kakitangan dan pelajar USIM yang melibatkan 22 kontinjen dari pelbagai Jabatan di USIM berarak sambil berselawat bermula dari perkarangan Fakulti Ekonomi Muamalat (FEM) dan berakhir di Dewan Besar.

Turut diadakan persembahan teater dan nasyid serta pengumuman pemenang perbarisan terbaik dan penerima Tokoh Maal Hijrah USIM 1436H. Tokoh Maal Hijrah dipilih dari tiga kategori mewakili kumpulan pentadbiran, akademik dan pelajar yang menerima sijil, trofi dan wang tunai RM1,000. Bagi kategori akademik, Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah 1436H, kategori pentadbiran pula dianugerahkan kepada Puan Nor Azzah Momin, Timbalan Ketua Pustakawan USIM manakala kategori pelajar dianugerahkan kepada saudari Riza' Asma'a Saari, pelajar Fakulti Sains dan Teknologi. Perbarisan terbaik pula dimenangi oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Antara kriteria utama Tokoh Maal Hijrah ialah penerima haruslah terlibat secara langsung dalam aktiviti sosial, ekonomi dan pendidikan yang memberi kesan kepada gerakan dan perkembangan Islam Universiti, mempunyai nilai-nilai akhlak yang baik dan terpuji dalam kehidupan bermasyarakat, berkeluarga dan sebagai individu muslim, berpengetahuan luas dan mendalam dalam disiplin ilmu yang dimanfaatkan ke arah pembangunan ummah, agama dan negara, mempunyai sifat dan peribadi yang unggul, yang boleh dijadikan tauladan.

Dr. Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail, Pengarah Pusat Islam dalam ucapannya berkata asas penghijrahan yang diterapkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabatnya ialah dengan menyematkan dan memantapkan pegangan akidah.

"Oleh kerana itulah, pada masa hadapan Pusat Islam bukan hanya memfokuskan kepada pemantapan akidah pelajar-pelajar, bahkan warga USIM perlu dilibatkan sama. Modul-modul pemantapan sahsiah dan akidah akan dirangka yang perlu diduduki oleh kakitangan sasaran. Diharapkan dengan program ini akan menjadikan kecemerlangan USIM seiring dengan kemantapan akidah," tambah Dr. Wan Abdul Fattah.









PELAJAR FSU DEKATI MASYARAKAT INDIA MUSLIM, NEW DELHI

Oleh: Muhammad Azizi Ismail
Setiausaha 1 Misi Tautan Mahabbah & Kebajikan

Seramai 22 orang pelajar tahun 4 program Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, bersama seorang pegawai pengiring memperoleh pengalaman yang amat berharga dalam usaha mendekati komuniti Muslim di New Delhi, India.

Program Misi Tautan Mahabbah dan Kebajikan telah diadakan pada 25 - 29 Oktober 2014 yang bertujuan memberi khidmat masyarakat dari aspek sumbangan tenaga, ilmu dan material di benua kecil India seterusnya menjadi mahasiswa yang prihatin dengan kebajikan masyarakat Islam seluruh dunia.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang mengetuai misi ini, Dr Muhammad Aunurrochim Bin Mas'ad, program ini dapat membuka mata dan minda peserta untuk mencari sesuatu yang tersirat di negara yang paling ramai penduduknya yang dianggarkan 1.2 billion orang selepas China.

Aktiviti dan pengisian yang dijalankan adalah tertumpu kepada komuniti penduduk Islam, masjid-masjid di sekitar New Delhi dan Agra, Madrasah Tahfiz, rumah anak yatim dan juga institusi pengajian seperti aktiviti penyerahan barangan sumbangan Al-quran daripada Syarikat Konsortium Waqaf Al-quran dan Wakaf Sejuta Al-Quran dan juga barangan lain seperti sejadah, kain pelikat, telekung dan juga alat tulis.

Selain itu juga para peserta turut mengadakan program bersama pelajar sekolah dan sesi dua hala bersama pihak pengurusan disana.

Disamping memberi khidmat masyarakat, peserta juga berpeluang melawat tempat-tempat bersejarah di sekitar India seperti Taj Mahal yang merupakan salah satu tujuh keajaiban dunia. Selain itu, peserta juga berpeluang melawat Qutub Minar yang mana merupakan monumen yang dibina oleh Sultan Pertama Delhi, Qutubuddin Aibak, bersempena kejayaan Islam bertapak di India dan juga dibawa melawat Makam Humayun yang juga merupakan tapak warisan dunia UNESCO.

"India adalah destinasi yang tepat untuk membuat kebajikan dan menabur bakti kepada masyarakat Islam di sana, yang mana penduduk Islam hanya mewakili 13 peratus daripada 1.2 bilion jumlah keseluruhan penduduk India," kata Aminurrasyid, pengarah program misi tersebut.

Aminurrasyid turut berterima kasih kepada penaja utama program iaitu Bank Rakyat yang berbesar hati membiayai program bagi memastikan perjalanan dan misi berjalan lancar.





Artikel



HARI TERBUKA TAMPIL KEUNIKAN FPSK

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Sempena sambutan 10 tahun Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), warga FPSK menganjurkan Hari Terbuka di Kampus Pandan Indah, Kuala Lumpur pada 21 November 2014. Majlis perasmian disempurnakan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Hj Abdul Shukor bin Hj Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

Bertemakan "Merintis dan Meneraju Naqli dan Aqli di dalam Ilmu Perubatan", antara program pengisiannya adalah slot syarahan, simulasi dan demonstrasi klinikal seperti CPR, surgical suturing, the normal and abnormal heart sound dan breast self examination technique yang dikendalikan oleh pelajar perubatan dan pameran serta jualan buku perubatan termasuklah lawatan ke Muzium Perubatan dan Kuiz Pendidikan Kesihatan.

Mengimbau kembali titik permulaan penubuhan fakulti pada tahun 2004, Tan Sri Dato' Dr. Hj Abdul Shukor dalam ucapannya mengingatkan amanah yang digalas dalam memartabat dan mengintegrasikan Islam serta perubatan moden dalam pengajaran kepada pelajar perubatan. Beliau juga menekankan pentingnya meningkatkan usaha dan jati diri dalam memperkukuhkan FPSK menjadi salah satu fakulti perubatan terbaik di masa hadapan.

"FPSK yang bermula dengan hanya seramai 29 orang pada awal penubuhannya kini telah melahirkan seramai hampir 200 graduan yang bergelar doktor dalam merealisasikan perubatan berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli," tambah Dekan FPSK, Prof. Dr. Muhammad Shamsir bin Mohd Aris dalam ucapannya.

Turut diadakan Majlis Khatan Perdana dan Karnival Kesihatan yang disertai seramai 32 kanak-kanak berumur 4 hingga 12 tahun. Program anjuran bersama FPSK dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Dato' Shahbandar dan Taman Sakura, Jabatan Perpaduan Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan JKKK Sungai Landak. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan.

Kerjasama ini adalah satu usaha fakulti untuk mewujudkan kebersamaan selain menjalin ukhwah dengan komuniti selaras dengan tema Sambutan 10 Tahun Fakulti dalam usaha memperkenalkan dan mengetengahkan FPSK sebagai sebuah gedung ilmu, mempamerkan kejayaan-kejayaan fakulti sepanjang 10 tahun, serta merapatkan jurang antara Universiti dan masyarakat.





DA'WAH THROUGH NEW MEDIA

By: Noorumaina Mohamed Yunus

The existence of electronic media and the internet have loosened the traditional form of upbringing, whether in the form of oral or reading said Datuk Chamil Wariya, Chief Executive Officer of Malaysian Press Institute (MPI). Through the internet and electronic media, the religious sciences of Islam overwhelm the global community. The new media, whether social or commercial in nature, has also radically changed the way of delivering da'wah.

He added that these effects and phenomena should not be taken for granted because there are great challenges in preaching Islam nowadays due to the emergence of more Muslims who identify themselves as Islamic Scholars. Some of them spread the message of revival and reform of Islamic knowledge without going through rigorous education and discipline like the earlier Muslim scholars.

He said these during his keynote address entitled Developing journalistic ethics to face the challenge of differences of opinion in da'wah, during the Media and Da'wah Seminar (SMED) 2014 which lasted for two days from Dec 9 to 10, 2014 with the theme Da'wah of New Media : Challenges and Future.

Datuk Chamil also stressed that journalists and ulama should work hand-in-hand to produce practical guidance that can be used as guiding principles for those who engage in journalistic activities, regardless if the form of media to be used is either new or conventional.

Datuk Chamil Wariya is currently a writer-in-residence at the Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) in the field of Communication. His experience in the field of communication



will become accessible to the Faculty of Leadership and Management (FKP), USIM when appointed for a period of one year, effective August 4, 2014.

As a former media practitioner who has extensive experience in this field, Datuk Chamil Wariya will be directly involved to look into the method in implementing the integration of Naqli and Aqli knowledge in particular, and assist the Communication Programme and USIM in general to gather input about the development of Journalism in Malaysia, especially those involving the use of new media as the primary basis of information channel today.

Beginning his first step as a cadet journalist in Utusan Malaysia (1971), he started to explore the world of journalism extensively amongst others as a programme assistant at BBC World Services London (1976-1982); journalist and editorial writer of Utusan Malaysia; Head of Magazine publication of Utusan Group (1993-1998); and assumed the position of Senior General Manager and Chief Editor of TV3 Newsroom (1999-2007).



iBAF2014 BINCANG ISU PERKASA KEWANGAN ISLAM

Oleh: Syazlyna Jamil

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dengan kerjasama Pusat Pembiayaan dan Pengurusan Wakaf (PPPW), Pusat Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) dan Malaysian Muamalat Association (MMA) menganjurkan Seminar Kewangan Islam, Perakaunan dan Kewangan (iBAF2014) kali keenam pada 23 dan 24 September 2014.

Seminar ini menyediakan platform kepada penyelidik, pengamal industri, pembuat dasar, ahli akademik dan pelajar untuk berbincang dan bertukar idea dan kepakaran ke arah memperkasakan pemahaman dan penguasaan berkaitan pengaplikasian kewangan Islam dalam sektor kebajikan sosial dan komersial. Sebanyak lebih 80 kertas kerja dibentangkan oleh peserta dalam dan luar negara.

Ucaptama disampaikan oleh Prof. Dr. Mohammed Obaidullah dari Islamic Research and Training Institute (IRTI), Jeddah, Arab Saudi, penyandang kerusi Kewangan Islam USIM



bertajuk "Making a Dent on Poverty in Muslim Societies: Lessons from Recent Microfinance Experiments". Antara tokoh lain yang berkongsi pentas adalah Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron, panel Shariah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB); Prof. Dr. Jamal Othman, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM; dan Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd. Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dan sesi forum berkaitan isu Pendidikan Kewangan Islam yang dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr Muhamad Muda, Presiden Malaysian Muamalat Association (MMA).

Perasmian telah disempurnakan oleh Encik Wan Mohd Nazri Wan Osman, Pengarah Perbankan Islam dan Takaful Jabatan Bank Negara Malaysia. Turut hadir sama Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Prof. Madya Dr. Amir Shahrudin.

iCEPS10 DAN C-FEST12 TONJOL BAKAT KEUSAHAWANAN PELAJAR

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Bertemakan "Reviving the Sunnah and Internationalization", Konvensyen Keusahawanan Islam Kesepuluh (iCEPS10) cipta kelainan apabila digabungkan bersama Pesta Konvokesyen kali ke-12 (C-FEST12). Program yang diurusetikan oleh Pelajar Tahun Empat Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) diadakan pada 13 hingga 16 November 2014 bertempat di perkarangan Dewan Besar USIM. Ia disempurnakan oleh Pro Canselor USIM, Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz.

iCEPS10 menyediakan platform kepada pelajar bagi mengenengahkan dan mengasah bakat keusahawanan dalam diri sebagai pelajar IPTA disamping menambah pengetahuan untuk melahirkan bakal usahawan cemerlang berpaksikan syariah Islam di Malaysia dan seterusnya membina potensi dan jaringan perniagaan bagi menembusi ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM, iCEPS10 yang dikendalikan oleh para pelajar ini bukan sahaja membentuk jati diri agar menjadi lebih berdisiplin, malah



turut mendidik diri agar sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi di luar sana selepas bergraduasi kelak.

Lebih 70 gerai dibuka yang melibatkan pelajar USIM dan peniaga luar termasuklah pelbagai program menarik antaranya Malam Penghayatan Sunnah oleh YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri serta penampilan khas ulama dari Iraq Sheikh Afeefudin Al-Jilani, Sembang Santai bersama Ustaz Dr. Izhar Ariff, Bicara Siswi bersama Diana Amir, Konsert Senandung Buatmu Gaza serta persembahan artis jemputan iaitu Ramli Sarip, Maulana AF8, kumpulan Mestica, Muadz Dzulkefli dan One Soulz.

Selaras dengan tema pengantarabangsaan, pihak iCEPS10 telah menerima kehadiran para pelajar dari Xi'an International Universiti of China, Universiti Muhammadiyah Yogyakarta, Sekolah Tinggi Ekonomi Islam Tazkia dan Universitas Darussalam, Gontor.



ATLIT PENCAK SILAT UNGGULI ANUGERAH OLAHRAGAWAN DAN OLAHRAGAWATI USIM 2013

Oleh: Mohd Zaini Othman

Majlis Anugerah Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2013 menyaksikan Atlit Pencak Silat USIM, Mohd Ali Imran Che Hashim, pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Nurul Amalina Subkhi, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati USIM. Majlis yang julung kali diadakan ini adalah di bawah kelolaan Pusat Sukan USIM dan berlangsung di Dewan Besar USIM pada 3 Oktober 2014.

Sebelum ini, Mohd Ali Imran telah menyumbang pingat Perak dalam Kejohanan Silat Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) 2013 manakala Nurul Amalina menggondol pingat Emas dalam Kejohanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri.

Bagi kakitangan Universiti pula, staf Jabatan Keselamatan iaitu Norizat Nordin dan Wan Azura Radzuan, staf Jabatan Perpustakaan dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati. Norizat merupakan atlit bola tampar menghadaikan pingat Gangsa dalam Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) 2013 dan Wan Azura kini berstatus Master Tenpin Boling dalam Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM). Masing-masing membawa pulang trofi dan sijil penghargaan.

"USIM menyahut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan 'Thinking Athletes' yang merupakan tunjang utama dalam meningkatkan sahsiah pelajar yang seimbang dalam akademik dan sukan. Dengan adanya pengiktirafan dan penghargaan Majlis Anugerah sebegini, diharapkan para atlet sukan USIM akan dapat meneruskan kecemerlangan dan pencapaian terbaik serta memberikan saingan yang lebih sengit kepada IPT yang lain," ucap Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad.

Pada majlis yang sama juga, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti diberikan penghargaan Anugerah Tokoh Sukan atas komitmen tinggi beliau yang sentiasa memberi sokongan, kerjasama dan membantu pembangunan sukan di USIM khususnya semasa menjadi Naib Canselor USIM sebelum ini.

Penganjuran majlis penganugerahan ini adalah selari dengan hasrat Pengurusan Universiti melalui Pelan Strategik Pembangunan Sukan USIM 2014-2018. Sebanyak 20 anugerah yang disampaikan antaranya adalah Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang 2012, Anugerah Bintang Harapan, Anugerah Pengurus Terbaik, Anugerah Jurulatih Terbaik, Anugerah Pasukan Terbaik dan Anugerah Pasukan Harapan.

PPT KUPAS ISU KONTEMPORARI DALAM KETAMADUNAN ISLAM

Oleh: Syazlyna Jamil

Mengambil inisiatif untuk mewujudkan diskusi ilmu di antara ilmuan dan pelajar, Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Seminar Tamadun Islam & Tamadun Asia Dan Hubungan Etnik pada 1 November 2014 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, 2, 3 dan 4.

Seminar dihadiri oleh 29 orang pembentang dan 3 pembentang sisipan dari kalangan ahli akademik tempatan antaranya dari USIM, UKM, UiTM, USM, UMK, UMS, UPNM, UPM, Universiti Sunway, Politeknik dan IPGM. Seramai 2,300 peserta hadir iaitu dari kalangan kakitangan awam kerajaan dan pelajar bagi subjek Tamadun Islam, Asia dan Hubungan Etnik.

“Seminar ini seharusnya menjadi suatu platform untuk memperkenalkan, memperluas dan memperdalam cetusan

buah fikiran dan ilmu yang telah dipelajari dalam sesi pengajian TITAS dan Hubungan Etnik supaya kita dapat bersama-sama menyumbang kepada kelahiran semula generasi pelapis yang menepati kualiti khayra ummah yang bersifat cemerlang, gemilang dan terbilang dengan keseimbangan Naqli dan Aqlinya,” ucap Prof. Dato’ Dr Musa dalam ucapan perasmianya.

Seminar yang bermatlamat menyuburkan kecerdasan intelek bagi menangani isu kontemporari dalam ketamadunan Islam di Asia dan hubungan etnik di Malaysia mendapat sokongan penaja utama dari Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama Bank Rakyat, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Melaka, Telaga Biru Sdn Bhd, Berita Publishing Sdn Bhd, Kumpulan Media Karangkraf dan Khazanah Fataniyah.



TINGKAT KEFAHAMAN SUNNAH, FPQS ANJUR SWAN 2014

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Dalam usaha meningkatkan kefahaman sunnah dan agama Islam, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) kali ke 4 Peringkat Antarabangsa bertemakan Sunnah Asas Wasatiyyah, Pencetus Transformasi Ummah pada 26 dan 27 November bertempat di Dewan Kuliah Utama, FPQS.

Seminar ini menghimpunkan seramai 100 orang pembentang kertas kerja dari pelbagai negara antaranya Iran, Palestin, Arab Saudi dan Indonesia untuk membincangkan isu-isu berkaitan sunnah terutama fungsinya sebagai asas wasatiyyah dan pencetus kepada transformasi ketamadunan umat serta berkongsi kaedah pengaplikasian sunnah dalam kehidupan masyarakat moden.

“Seminar ini merupakan salah satu medan memartabatkan keunggulan dan mengemas kembali

pemahaman sunnah nabawiah yang semakin hari semakin bercampur aduk antara yang benar dan tidak benar ekoran anasir pihak yang tidak bertanggungjawab mempergunakan media sosial bagi mengelirukan dan melonggarkan pegangan hidup umat Islam,” ujar Tan Sri Dr. Abdullah bin Md. Zin, Pengerusi Institusi Wasatiyyah Malaysia semasa merasmikan SWAN 2014.

Menurut Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, konsep wasatiyyah sekiranya diaplikasikan dalam konteks ummah yang bertransformasi ia merujuk kepada umat pertengahan iaitu ummah yang adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat sekaligus seimbang dalam seluruh aspek kehidupan seperti yang dijelaskan oleh Allah sebagai manusia yang adil dan boleh menjadi saksi terhadap seluruh perbuatan manusia.





ABDUL MUIZ TERAJUI KEPIMPINAN PERWAKILAN PELAJAR USIM 2014/2015

Oleh: Mohd Zaini Othman

Menepati ramalan dikalangan mahasiswa, Saudara Abdul Muiz Abdul Hakim, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang dilantik sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sesi 2014/2015 dengan undian tertinggi sebanyak 6,706 undi manakala Yang Dipertua (TYDP) MPP USIM pula disandang oleh Saudari Nurul 'Atikah Mohamad Shafii, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dengan 6,528 undi di hari pembuangan undi pada 10 November 2014 yang mana kedua-duanya bertanding atas Kerusi Umum pada pemilihan kali ini.

Majlis Penyerahan Watak kepada 24 orang ahli MPP baharu USIM telah disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad bertempat di Dewan Besar USIM sempena Majlis Amanat Perdana Naib Canselor bersama Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2014/2015.

Abdul Muiz dalam ucapannya menyatakan kepimpinan MPP akan bekerja bersama Pengurusan Universiti untuk menjayakan Pelan Strategik USIM 2013-2025 bagi membawa aspirasi Universiti untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap agenda dan program yang dilaksanakan kelak.

Menurutnya lagi, kepimpinan baharu yang membawa visi "Membangunkan Akal dan Jiwa Masyarakat USIM demi kecemerlangan Ummah" beserta slogan "Langkah ini langkah kita bersama" akan menekankan kepada 4 bidang tujahan utama.

"Aspek yang diberi perhatian oleh kepimpinan kali ini ialah pengfokusan dan penyusunan spiritual mahasiswa; memperkasakan intelektual mahasiswa; memperkenalkan Gagasan Kebajikan Universiti dan yang terakhir adalah mahasiswi aset berharga varsiti".

Ujarnya lagi, "Di bawah portfolio TYDP yang disandang oleh Nurul 'Atikah, beliau akan menekankan peranan dan memposisikan mahasiswi secara berkesan di dalam kampus melalui program pembinaan mahasiswi yang bersesuaian. Mahasiswi USIM yang terdiri lebih daripada 70% bilangan pelajar di kampus sememangnya memberikan impak yang sangat besar kepada Universiti".

Pada majlis ini juga menyaksikan penyerahan dokumen serah tugas oleh mantan Yang Dipertua MPP sesi 2013/2014, Saudara Mohd Azmil Abu Seman kepada Abdul Muiz, penyampaian sijil penghargaan kepada mantan MPP USIM sesi lepas dan lafaz ikrar barisan kepimpinan MPP baharu.

Turut hadir ke majlis ini adalah Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, menjalankan tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta Pengurusan Kanan Universiti yang lain.





USIM RANGKUL JOHAN DEBAT BAHASA ARAB MAAL HIJRAH IPT

Oleh: Mohd Zaini Othman

Pasukan Debat Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mencipta kejayaan di pentas debat universiti apabila muncul Johan dalam Pertandingan Akhir Debat Maal Hijrah 1436H Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung pada 31 Oktober hingga 3 November 2014 di Zabadah Hall, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak.

Pendebat USIM dibarisi Anis Amirah Zakaria, 21; Azka Annisa Zakaria, 22; Mazyah Osman, 23 dan Nur Akma Mohd Dali, 21 bertindak sebagai Pembangkang bertemu pasukan Universiti Malaya (UM) sebagai Kerajaan membahaskan usul 'Keprihatinan Terhadap Orang Kurang Upaya dalam Kalangan Masyarakat Masih Lemah'.

Pembinaan bingkangan usul yang kemas, fakta yang jelas serta penghujahan yang menarik oleh para pendebat telah memikat barisan panel juri seterusnya melayakkan mereka sebagai johan dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM 3,000.00, piala kejohanan, piala iringan dan sijil penghargaan. Manakala Naib Johan disandang oleh pasukan dari Universiti Malaya membawa pulang hadiah wang tunai RM 1,500.00, piala dan sijil penghargaan.

"Alhamdulillah, kemenangan ini adalah sesuatu yang bermakna bagi kami. Hasil usaha persediaan selama dua minggu yang memfokuskan kepada pemantapan penguasaan Bahasa Arab dan pembinaan hujah dan fakta setelah membuahkan hasil," ujar Anis Amirah Zakaria selaku ketua pasukan.

Pertandingan Debat Maal Hijrah ini merupakan kali kedua dianjurkan oleh UIAM sebagai salah satu pengisian sambutan Maal Hijrah disamping mengangkat dan membudayakan Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan pengantaraan.

Sebanyak 14 pasukan dari pelbagai IPT menyertai pertandingan kali ini antaranya USIM, UM, UIAM, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dan Darul Quran.





I-INOVA '14 : COMMERCIALIZATION OF INNOVATION FOR UMMAH WELL-BEING

By: Syazlyna Jamil

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) has once again organized the Islamic Innovation Expo for the 5th time (i-Inova'14) with the theme 'Commercialization of Innovation for Ummah Well-Being' to continue its initial goal of exploring and restoring the illustrious tradition of Islamic scholarship attuned to the latest technology and environment.

i-Inova'14 is supported by the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and the Ministry of Education (MoE) together with innovation partners namely the Academy of Sciences Malaysia (ASM), Malaysian Muslim Scientists Association (PERINTIS), Foundation of Quranic Education for Special Children (FAQEH), Biotechnology Division Malaysia, Innovation and Commercialization Division, National Science Centre, Malaysian Foundation for Innovation, Department of Chemistry Malaysia and the Malaysian Meteorological Department.

i-Inova, which was held for the first time in 2010 has shown a promising improvement in the 5th year of its organization with 92 entries for the Open category and 39 for the Undergraduate category. 122 of the entries came from the Public Institutions of Higher Education, 3 entries from the Private Institutions of Higher Education, 5 entries from research Institutions and organizations in Malaysia and 1 entry from abroad, namely Egypt. The total number of entries also showed an increase of 36.75% compared with last year.

"The organization of the 5th i-Inova'14 is expected to become a catalyst for generating creative and innovative ideas that have high market values. This effort can further generate national income

through the creation of products accessible by the community in general. From the creative and innovative ideas, potential Muslim entrepreneurs can be born through hard work and perseverance in consistent with the effort of MOSTI to make 2014 the Year of Commercialization," said the Vice Chancellor, Prof Dato' Dr. Musa Ahmad in his speech.

"I hope i-Inova will become a brand that can elevate the potential of Muslim products at the international level in the future. I was informed that USIM also excels in various research competition at the national level such as PECIPTA, i-TEX, NRIC as well as international level such as the British Invention Show (BIS) etc. These prove that USIM's plan to make development and research programme as the University's main agenda has now become fruitful," said Deputy Minister of Science, Technology & Innovation (MOSTI), YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah in his opening speech.

It is estimated that more than 7000 visitors came to the Expo this year. The biggest awards include the Ibnu Maqum Special Award for the Disabled Category (OKU) sponsored by Yayasan FAQEH and also the ASM Innovation Award sponsored by the Academy of Sciences Malaysia. There were also award for Islamic Invention and Innovation Competition or Tunas Cipta for secondary school students under the Category of Innovation Product of Secondary School Students' Invention and Generation of Innovation Ideas.

USIM 'Alamiyyah - "We are ready to go global"

Professor Dr Roshada Hashim was appointed as the director of International office of USIM, or better known as USIM 'Alamiyyah, in September 2013. She was tasked with strategizing an USIM International policy, to accelerate USIM's role to spearhead knowledge and be the global reference centre for Islamic Science. In 25 August 2014 USIM 'Alamiyyah was launched and Dr Roshada confidants that the policy would further push USIM aspiration to be relevant and strive to win the hearts of the people through its continuous effort in helping the ummah to solve problems and improve their living.



What is unique about USIM for International students?

Fourteen years after the first of our students walked the corridors of this university, USIM was already providing high quality undergraduate and postgraduate programmes. These programmes which integrate Naqli and Aqli knowledge are unique, setting USIM apart from conventional Islamic universities not only in Malaysia but the world over. This niche combined with the university's mission to transform and create value for the country, ummah and humanity is highly relevant to the development of education globally.

The integration of Naqli knowledge with that of Aqli knowledge in our curriculum and non-academic activities is USIM's way to produce graduates who are balanced, graduates who can contribute towards a more humane, just and inclusive society. This is because the Quran and Sunnah provides a rich resource of knowledge, solutions and ethics in the fields of science, medicine, economics and humanities to name a few.

What is USIM Alamiyyah?

The university management felt that USIM was ready for a global presence and had to share our education model in a more concerted and organised way with the global community and not only within the Islamic world. It was against this backdrop that the International Relations Office was setup to spearhead the university's internationalization agenda.

We began by introducing the 'Alamiyyah Policy on Global Relevance and Positioning of USIM in January 2014. Because of the limited interpretation and scope of the word internationalization, that does not reflect the aspirations of USIM, we decided to use the concept of 'Alamiyyah to describe our transnational agenda. The term 'Alamiyyah encompasses, 'ilm (knowledge), 'alim (knowledgeable) and alam (nature/universe). Hence 'Alamiyyah refers to an institutional environment of academic excellence and research which is undertaken to address issues and problems that affect the ummah. Structured on Islamic values and worldview, every effort is given to create an international and intercultural awareness at every level of thinking and action within USIM.

What are the strategies to ensure that USIM is visible internationally?

Besides launching USIM 'Alamiyyah, the brand new USIM 'Alamiyyah website, designed to be the window to USIM for potential overseas partners and students, has also been launched. Further, we also witness the appointment of the first batch of 'Alamiyyah Ambassadors, 2 from Nigeria and 1 from Egypt for the 2014/2015 session. Our Alamiyyah Ambassadors will be given the relevant training to enable them to counsel potential students, bridge the communication between the international students with their Malaysian peers and with the USIM community in general.

'Alamiyyah

USIM 'Alamiyyah is going to be a one stop centre that manages all transnational and cultural matters in the university for students and staff. Currently USIM has almost 800 international students and about 44 international staff from 36 countries. We are proud of their presence as they enrich the campus with their culture and diversity and not to mention their contribution towards the development of the university.

How about financial support for international students?

We have set up the USIM 'ALAMIYYAH STUDENT WAQAF FUND, to provide education assistance to deserving but financially challenged Muslim youths worldwide to pursue tertiary education in USIM. This fund was established in April 2014 and it is associated with the philosophy of the university's 'Alamiyyah Policy for Global Relevance and Positioning, which calls for expanding access to education beyond high school for the ummah.

We are making every effort to raise waqaf fund in order to draw upon sufficient financial benefits (per year) to provide full financial support for 30 students (approximately 1% of the USIM international student enrolment) in a year. The number of students supported will increase proportionately with any additional waqaf fund collected.

Why do you think it is significant for USIM to establish the fund?

Although student enrolment in universities has grown in the past 2 decades, there remains a segment of the global population who do not have access to tertiary education and this is most widespread in the Muslim world. Indeed a disparity also exists within the Muslim world itself in both Muslim majority countries and among Muslims in non-Muslim majority countries. The causes are many; among them is the mismatch between the number of university places available and student demand, the lack of funds, societal constraints and interruption in education as a result of conflict and discrimination. This scenario poses a threat to the development of the Muslim world and if not prevented will undermine the equitable growth of Muslims.

As a university that aspires to help the ummah to solve problems and improve their living, the use of the waqaf fund in this manner, to fund financially challenged but deserving students, will ensure sustainability of financial support in contrast to a one-off hand out. USIM therefore seeks to be part of this noble move to contribute towards the growing need to provide access to tertiary education among the ummah.

What is the future direction of USIM 'Alamiyyah?

USIM 'Alamiyyah is also entrusted with a bigger function to strategise for the university to be a significant contributor for the development of global education.

It is also within our task to enrich the intercultural setting in the university through internationalization at home activities for the benefit of students and staff, in particular the non-academic staff who do not have opportunities to go abroad.

It has been a year and a half since our journey began and Insya Allah we are now ready to fulfil our function. We have seen an almost 100% increase in the number of student mobility programmes both inbound and outbound and we look forward to a more vibrant and expanded international community and activities in the future.

“USIM 'Alamiyyah is going to be a one stop centre that manages all transnational and cultural matters in the university for students and staff.”





Mohd Ali, Nurul Amalina dinobatkan Olahragawan, Olahragawati USIM 2013

Nilai Mohd Ali Imran Che Hashim dan Nurul Amalina Subhani masing-masing dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan Olahraga Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2013...

'Semangat cintakan USIM beri kekuatan'

Presiden dan Ketua Eksekutif Komuniti Pergerakan Mahasiswa Berkeadilan (KPM) dan Ketua Eksekutif Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) USIM, Nurul Amalina Subhani...

Bahang pemilihan MPP bermula

Nilai Bahang pemilihan MPP akan bermula pada 11 Oktober ini. Pemilihan MPP akan diadakan di seluruh kampus USIM...

Wujud suasana bahasa Arab di universiti

Anggota pangsapuri Keajaiban Bola Ukan Kaitangan (AK) 2013 akan meninjau acara dalam Keajaiban Kaitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)...

Jadikan USIM rujukan masyarakat global

USIM akan menjadikan rujukan masyarakat global dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan prestasi akademik...

Dua graduan terima Anugerah Pelajar Diraja

1,689 graduan diraikan di Dewan Besar USIM. Dua graduan menerima Anugerah Pelajar Diraja...

Ais kiub perlu aquran halal

Nilai - Persekitaran yang tidak baik membuat aquran tidak dapat menjadi sumber inspirasi yang baik...

IHRAM beri pemahaman aspek halal

SEREMBAN 6 Nov. - Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan...

DALAM NEGERI 31

Program i-nova tengah idea, program kreatif Islam. SMK Taman Tuanku Jaafar bakal jadi sekolah angkat USIM...

ICEPSIO tonjol bakat pelajar keusahawanan USIM

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Pesta Keusahawanan Antarabangsa (ICEPSIO) 2014 akan diadakan di USIM...

Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM anjur pert...

Nilai - Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM anjur pertandingan perniagaan antarabangsa...

Kursi Islam tingkat martabat

SEREMBAN 15 Okt. - Pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)...

Malaysia paling aman hubungan penganut

Program i-nova tengah idea, program kreatif Islam. SMK Taman Tuanku Jaafar bakal jadi sekolah angkat USIM...

TPM rasmi Kursi Kepemimpinan Islam USIM eso

SEREMBAN: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Halim...

IPT harus lebih proaktif

Dalam usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda...

USIM sedia dana program alumni

SEREMBAN 14 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersedia untuk memperuntukkan dana...

Harumkan nama negara di UK

Produk hasil ciptaan pelajar Usim berjaya raih tiga pingat dalam pertandingan inovasi antarabangsa...

Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM anjur ICEPSIO

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Pesta Keusahawanan Antarabangsa (ICEPSIO) 2014 akan diadakan di USIM...

Perangi dadah satu kewajipan

Nilai - Perangi dadah adalah satu kewajipan bagi semua pihak yang terlibat dalam masyarakat...

Pernah dipulau Anugerah Dekan

Bandar Baru Hilir: Dipulau sempenya raihan anugerah Dekan USIM...

Pendebat USIM hebat

Debat Bahasa Arab (DBA) 2014 akan diadakan di USIM...

Konvensyen Hawa 2.0 rungkai permasalahan

SEREMBAN 30 Sept. - Majlis Persekitaran Pelajar (MPP) USIM akan mengadakan Konvensyen Hawa 2.0...

USIM sedia dana program alumni

SEREMBAN 14 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersedia untuk memperuntukkan dana...

Eksekutif halal sangat perlu

Industri makanan, minuman di Malaysia. Eksekutif halal sangat diperlukan...

Prevent 2014 kongsi idea tangani isu dadah

70 pelajar Suksis USIM sertai program modul kepemimpinan. Prevent 2014 kongsi idea tangani isu dadah...

Pelopor kajian ilmiah

Penubuhan Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin di USIM sebagai usaha martabat Islam...

DPM launches Usim chair

ACADEMIA: Tuan Guru Mohd Yassin Muhammad chair can conduct studies on nation's leaders...

Pelajar USIM bantu rakyat Kemboja

PARA peserta beramah mesra dengan masyarakat Kemboja pada program misi A Step for Changes Across the Mekong di Kampung Ampel, Kemboja baru-baru ini...

Pelajar US julang neg

Raih pingat emas pertandingan novasi British di United Kingd...

Cipta lagu patriotik

USIM bekerjasama dengan penghuni penjara. Cipta lagu patriotik...

Perbadanan berenakmen di MAINS

SEREMBAN 6 Nov. - Negeri Sembilan akan menubuhkan perbadanan berenakmen di MAINS...

Perkasia kemahiran diri

Stawazah perlu persiar diri dengan tujuh elemen penting supaya tidak terabai-rabai tentukan arah masa depan selepas tamat pengajian...

Seminar dalam hubungan etnik, tamadun Islam dan A

SEREMBAN 6 Nov. - Seminar Tamadun dan Hubungan Etnik yang berfokus kepada USIM akan diadakan...

Perbadanan berenakmen di MAINS

SEREMBAN 6 Nov. - Negeri Sembilan akan menubuhkan perbadanan berenakmen di MAINS...

Perkasia kemahiran diri

Stawazah perlu persiar diri dengan tujuh elemen penting supaya tidak terabai-rabai tentukan arah masa depan selepas tamat pengajian...

Seminar dalam hubungan etnik, tamadun Islam dan A

SEREMBAN 6 Nov. - Seminar Tamadun dan Hubungan Etnik yang berfokus kepada USIM akan diadakan...

Seminar dalam hubungan etnik, tamadun Islam dan A

SEREMBAN 6 Nov. - Seminar Tamadun dan Hubungan Etnik yang berfokus kepada USIM akan diadakan...

Perbadanan berenakmen di MAINS

SEREMBAN 6 Nov. - Negeri Sembilan akan menubuhkan perbadanan berenakmen di MAINS...

Perkasia kemahiran diri

Stawazah perlu persiar diri dengan tujuh elemen penting supaya tidak terabai-rabai tentukan arah masa depan selepas tamat pengajian...


Seminar dalam hubungan etnik, tamadun Islam dan A

SEREMBAN 6 Nov. - Seminar Tamadun dan Hubungan Etnik yang berfokus kepada USIM akan diadakan...

Seminar dalam hubungan etnik, tamadun Islam dan A


SEREMBAN 6 Nov. - Seminar Tamadun dan Hubungan Etnik yang berfokus kepada USIM akan diadakan...

Title : Peranan Lubab Al-Hadith Dalam Karya Hadis Di Alam Melayu
Author: Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Price: RM 22.00
ISBN: 978-967-440-074-3
Published: 2014



Buku ini membincangkan isu penting berkaitan perkembangan ilmu hadis dalam kalangan masyarakat Islam di Alam Melayu sebelum abad ke-20. Secara khasnya, pendekatan sejarah-sosial digunakan bagi merekonstruksi kronologi dan kerangka pemikiran keagamaan masyarakat Melayu berdasarkan karya hadis bertajuk Lubab al-Hadith dan ulasannya oleh dua orang ulama besar Alam Melayu abad ke-19 iaitu Syeikh Nawawi Banten dan Syeikh Wan Ali Kutan Kelantan. Buku yang julung kalinya membincangkan isu penting ini bertujuan memenuhi kelompangan ilmu yang terdapat dalam sejarah keagamaan di Alam Melayu pada zaman pramoden dalam gaya bahasa, persembahan dan kandungan ilmiah yang mudah, ringkas dan berasaskan penyelidikan sejumlah manuskrip dan sumber langka yang berkaitan yang tersimpan di dalam dan luar negara. Pembacanya disasarkan daripada kalangan khalayak umum, ilmuwan, pelajar dan sesiapa sahaja yang berminat dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah perkembangan ilmu hadis di Alam Melayu dengan lebih mendalam. Diharapkan buku ini dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh masyarakat dengan sebaik-baiknya demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Title : Arabic Origins Of Luganda Language
Author: Kirembwe Rashid Abdul Hamed | Mohammad Najib Jaafar | Hishomudin Ahmad
Price: RM 19.90
ISBN: 978-967-440-069-9
Published: 2014
Type: DVD - e-Book format in PDF



This book is composed of: the introduction, two chapters and two appendixes; The Chapter (i) Presents General Introduction, Conceptual and Practical Framework, Techniques of Learning Arabic Language by Using Luganda Words Borrowed from Arabic Language as well as Practical Instances of Applying Arabic Grammar and Morphology Using Luganda Words Borrowed from Arabic Language. The Chapter (ii) Presents Analyzed Glossary for Luganda Words Borrowed from Arabic Language. The Appendix (i) Presents Summarized Glossary for Luganda Words Borrowed from Arabic Language that Never Change. The Appendix (ii) Presents Analyzed Glossary for Luganda Words Borrowed from Arabic Language that Changed.

Title : Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia
Author: Azman Bin Ab Rahman
Price: RM 30.00
ISBN: 978-967-440-060-6
Published: 2014



Islam, Sejarah dan Peranan Amil dalam Islam, Kemahiran Komunikasi Amil, Etika dan Integriti Amil, Fatwa Zakat, Perundangan Zakat di Malaysia dan Dakwah dan Kepimpinan Amil. Modul ini disusun dengan rapi bagi memastikan kandungan modul dan setiap unit benar-benar memberi impak serta mencapai hasil pembelajaran yang digariskan.

Title : Jom Belajar Bahasa Melayu
Author: Faridah Mahamed | Sae Yamamoto
Price: RM 40.00
ISBN: 978-967-440-086-6
Published: 2014



Terdapat banyak masalah dan pendekatan serta kaedah mengajar bahasa Melayu kepada masyarakat asing. Buku Jom Belajar Bahasa Melayu sangat berguna kepada masyarakat Jepun yang ingin mula belajar bahasa Melayu. Buku ini menitikberatkan bahasa Melayu dalam perbualan harian. Antara isi kandungannya yang menarik termasuklah frasa pendek yang sering digunakan dalam kehidupan seharian, perbualan ringkas yang berlatarbelakangkan pelbagai situasi, kosa kata yang disediakan dengan gambar, sebutan Bahasa Melayu yang ditulis dengan huruf katakana, latihan lisan menerusi gambar yang menarik dan dimuatkan juga penerangan tata bahasa Melayu yang mudah difahami. Buku Jom Belajar Bahasa Melayu sangat sesuai dijadikan sebagai teks pertama untuk masyarakat Jepun mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu.